

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 4 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU] minta **Menteri Pengangkutan** menyatakan pengangkutan awam di negara masih mempunyai cabarannya seperti kadar penumpang yang masih tidak memuaskan dan sambungan pengangkutan awam yang masih kekurangan seperti "*first and last mile connectivity*". Justeru, apakah perancangan Kementerian untuk menyelesaikan masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi menangani masalah *first mile* dan *last mile* yang dibangkitkan, Kerajaan telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan *Demand Responsive Transit* (DRT) atau *Bas on Demand* (BOD) secara *Proof of Concept* (POC). Alternatif ini memberikan peluang kepada pengguna perkhidmatan kenderaan awam untuk menggunakan perkhidmatan ini melalui tempahan perkhidmatan bas dengan menggunakan aplikasi yang dijalankan tanpa jadual dan laluan yang tetap serta beroperasi di dalam zon yang diluluskan. Pelaksanaan POC ini adalah untuk mengkaji keberkesanan perkhidmatan, menilai impak kepada perkhidmatan sedia ada (seperti bas berhenti-henti dan teksi) dan mengumpul maklumat tahap penggunaan perkhidmatan BOD dalam kalangan orang awam.

2. Bermula 5 September 2022, syarikat yang berminat boleh memajukan kertas cadangan berkenaan permohonan POC BOD kepada Unit Bas, Ibu Pejabat APAD atau melalui emel bod@apad.gov.my. Syarikat yang memohon akan diberikan tarikh temujanji untuk membuat pembentangan konsep pelaksanaan, lokasi zon dan hentian yang terlibat serta aplikasi yang akan digunakan dalam perkhidmatan berkenaan. APAD akan menilai dan membuat pertimbangan ke atas kertas cadangan tersebut dan Surat Pemberitahuan akan dikeluarkan kepada syarikat bagi memaklumkan keputusan permohonan. Untuk makluman, pada masa ini terdapat beberapa syarikat yang telah menjalankan POC BOD yang melibatkan kawasan Bangsar, Ampang, Puchong dan Subang Jaya. Tempoh POC BOD adalah selama dua tahun dan akan tamat pada Ogos 2024.

Sekian, terima kasih.